

31 MAY 1996

Agong-Tahlil (Bergambar)

YANG DI-PERTUAN AGONG HADIRI MAJLIS TAHLIL

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah malam ini berangkat ke majlis tahlil di Masjid Negara sempena Hari Keputeraan Tuanku Ja'afar esok.

Ketibaan Seri Paduka berdua di Masjid Negara disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji dan Puan Sri Sagiyah Salikin.

Majlis tahlil itu diadakan selepas sembahyang Maghrib berjemaah.

Upacara majlis diketuai oleh Iman Masjid Negara Ustaz Taib Azamuddin.

Seri Paduka berdua bersama-sama 500 hadirin kemudian menghadiri jamuan malam di Bilik Kuliah di masjid itu. -- BERNAMA

MT NAK